

## SOALAN 1 – ANEKA PILIHAN

Pilih jawapan yang betul dengan menulis **A, B, C** atau **D** di dalam petak yang disediakan.

1. Tumpukan \_\_\_\_\_ ketika guru sedang mengajar.

- A. angan-angan
- B. bergurau
- C. bermain
- D. perhatian

2. murid mestilah meminta \_\_\_\_\_ kepada guru apabila keluar dari bilik darjah.

- A. izin
- B. kemarahan
- C. nasihat
- D. sokongan

3. Kita harus \_\_\_\_\_ dengan pemberian ibu bapa kita.

- A. bersyukur
- B. buang
- C. ketawa
- D. marah

4. Sebagai seorang ketua atau pemimpin, kita btidak boleh berat sebelah dan \_\_\_\_\_.

- A. amanah
- B. baik
- C. jujur
- D. pilih kasih

5. Tarikh Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam adalah pada setiap \_\_\_\_\_

- A. 1 Januari
- B. 23 Februari
- C. 31 Mei
- D. 15 Julai

6. Rakan sebaya adalah rakan-rakan yang umur mereka \_\_\_\_\_ dengan umur kamu.

- A. berlainan
- B. muda
- C. sama
- D. tua

☐

7. Kita mestilah mengamalkan sikap \_\_\_\_\_ ketika berbelanja.

- A. berjimat cermat
- B. boros
- C. membazir
- D. sombong

☐

8. Bersedekah adalah amalan yang baik di sisi agama kerana menjadikan seseorang itu tidak \_\_\_\_\_.

- A. amanah dan baik
- B. cerdik dan pintar
- C. rajin dan jujur
- D. sombong dan angkuh

☐

9. Kebersihan dan keindahan negara adalah tanggungjawab \_\_\_\_\_.

- A. bersama
- B. kanak-kanak
- C. orang asing
- D. orang lain

☐

10. Apakah kesan daripada mengamalkan sikap amanah?

- A. Allah Ta'ala akan memberkati kita.
- B. Kita akan dibenci orang.
- C. Kita tidak hidup dengan aman.
- D. Orang tidak akan percaya kepada kita.

☐

11. Tempat-tempat air bertakung boleh menyebabkan pembiakan \_\_\_\_\_.

- A. kutu
- B. nyamuk
- C. semut
- D. ulat

☐

12. Berdoa itu mengingatkan kita supaya tidak \_\_\_\_\_.

- A. amanah
- B. jujur
- C. rajin
- D. takbur

☐

13. Maruah keluarga harus dijaga agar \_\_\_\_\_.

- A. diri tidak disukai
- B. ibu bapa tidak dipuji
- C. keluarga tidak dipandang hina
- D. keluarga tidak disanjung

☐

14. 'Berdudun' bermaksud \_\_\_\_\_.

- A. kuih Melayu Brunei
- B. mencari rezeki
- C. sejenis binatang
- D. ziarah-menziarahi atau berkunjung ke rumah keluarga atau jiran

☐

15. Setiap pekerjaan yang sukar akan menjadi senang jika kita \_\_\_\_\_.

- A. beramah mesra
- B. bekerjasama
- C. bersyukur
- D. bertawakal

☐

16. Anak yang baik akan selalu menjaga dan \_\_\_\_\_ nama baik keluarga.

- A. memalukan
- B. memburukkan
- C. memelihara
- D. menyusahkan

☐

17. Kegiatan kokurikulum membantu murid menjadi seorang bakal \_\_\_\_\_ yang boleh merancang, menyelesaikan dan membuat keputusan dengan baik.

- A. pahlawan
- B. pemimpin
- C. penerima
- D. penjelajah

☐

18. Kita hendaklah sentiasa bersikap \_\_\_\_\_ membantu ibu bapa meringankan bebanan kerja harian mereka.

- A. berat tulang
- B. berpeluk tubuh
- C. hati batu
- D. ringan tulang

☐

19. Kesihatan mental perlu diberi perhatian dengan mengawal diri supaya tidak menyalahgunakan \_\_\_\_\_.

- A. api
- B. coklat
- C. dadah
- D. wang

☐

20. Menghadiri majlis-majlis kekeluargaan boleh mengeratkan \_\_\_\_\_.

- A. fitnah
- B. permusuhan
- C. persengketaan
- D. tali persaudaraan

☐

## SOALAN 2 – MENANDAKAN BETUL ATAU SALAH

Sila tulis huruf **(B)** untuk pernyataan yang BETUL atau **(S)** untuk pernyataan yang SALAH.

| BIL. | SOALAN                                                                                                         | BETUL (B)<br>atau<br>SALAH (S) |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|
| 1.   | Rakan sebaya yang baik ialah rakan yang mengajak kita ponteng sekolah.                                         |                                |
| 2.   | Mudah memaafkan kesalahan orang lain adalah sifat yang mulia.                                                  |                                |
| 3.   | Meminta upah daripada ibu bapa selepas membuat sesuatu pekerjaan adalah amalan mulia.                          |                                |
| 4.   | Setiap individu hendaklah bersikap prihatin terhadap orang-orang miskin.                                       |                                |
| 5.   | Mengerjakan kerja yang berfaedah pada waktu lapang boleh menguntungkan diri sendiri.                           |                                |
| 6.   | Orang yang cerdik boleh gagal jika selalu lalai dan membuang masa.                                             |                                |
| 7.   | Sifat sombong adalah sifat yang perlu ada pada setiap manusia.                                                 |                                |
| 8.   | Pemimpin yang baik ialah orang yang bersikap periang tetapi pilih kasih.                                       |                                |
| 9.   | Murid hendaklah menggunakan dan menghargai kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah dengan baik. |                                |
| 10.  | Kita hendaklah bersikap berat tulang jika ada orang meminta bantuan.                                           |                                |
| 11.  | Melawan guru adalah sikap yang terpuji.                                                                        |                                |
| 12.  | Kita hendaklah memelihara keselamatan barang yang dipinjam.                                                    |                                |
| 13.  | Orang yang tidak sabar mudah membuat keputusan yang salah dan mengakibatkan kekesalan pada masa hadapan.       |                                |
| 14.  | Mentaati suruhan orang tua membawa berkat pada kemudian hari.                                                  |                                |
| 15.  | Sikap berat mulut dan camah mata merupakan sikap yang mulia dalam hidup berjiran.                              |                                |

|     |                                                                                                            |  |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| 16. | Murid dibenarkan membawa benda tajam dan berbahaya ke sekolah.                                             |  |
| 17. | Orang yang bersikap adil akan dihormati dan disayangi masyarakat.                                          |  |
| 18. | Menghiasi diri dengan pakaian dan hiasan yang terlalu mahal merupakan satu pembaziran.                     |  |
| 19. | Warga negara yang baik mestilah tidak mengamalkan sikap pemedulian dan tidak menjaga hubungan silaturahim. |  |
| 20. | Murid yang baik ialah murid yang suka melanggar peraturan sekolah.                                         |  |



### SOALAN 3 – MENGISI TEMPAT KOSONG

Isikan tempat-tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

menghargai

berjasa

menimba

imej

moral

#### SAYANGI SEKOLAH KITA

Kita mula mengenal huruf dan angka dan seterusnya belajar membaca, menulis dan mengira di sekolah. Sekolah juga tempat murid-murid \_\_\_\_\_ ilmu yang disampaikan oleh guru-guru. Di samping belajar dalam mata pelajaran asas seperti Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains, murid juga didedahkan dengan pembelajaran \_\_\_\_\_ dan akhlak.

Murid-murid seharusnya menghargai dan menghormati tempat mereka belajar. Antara cara murid \_\_\_\_\_ sekolah adalah menjaga kebersihan, mematuhi peraturan sekolah dan tidak menconteng. Murid juga perlu melibatkan diri dalam kegiatan yang dapat menaikkan \_\_\_\_\_ sekolah seperti kegiatan pakaian seragam, persatuan dan menyertai pertandingan, pertandingan bercerita, syarahan dan kuiz.

Di samping itu, murid-murid juga dialu-alukan menyertai kempen kebersihan, kempen kesihatan, kempen anti dadah dan kempen anti merokok. Oleh yang demikian, murid-murid patut menyayangi sekolah dan guru-guru yang banyak \_\_\_\_\_ dalam pembentukan sikap dan perkembangan intelek mereka.

#### SOALAN 4 – MEMILIH DAN MENYENARAikan NILAI-NILAI.

Baca pernyataan-pernyataan di bawah ini. Senaraikan ciri-ciri yang **baik** dan kelakuan yang **tidak baik** dalam jadual yang disediakan.

- Merosakkan harta benda sekolah.
- Bersalaman dengan ibu bapa.
- Datang lewat ke sekolah.
- Boros berbelanja.
- Hormat kepada orang yang lebih tua.
- Memakai pakaian yang tidak menutup aurat.
- Menyiapkan kerja rumah.
- Menceritakan rahsia orang lain.
- Sentiasa membaca al-Quran.
- Mencuci tangan sebelum makan.

| KELAKUAN YANG BAIK | KELAKUAN YANG TIDAK BAIK |
|--------------------|--------------------------|
|                    |                          |
|                    |                          |
|                    |                          |
|                    |                          |
|                    |                          |



### SOALAN 5 – PADANKAN AYAT

Padankan NILAI-NILAI MURNI di dalam Petak A yang sesuai dengan maksud yang terdapat dalam Petak B. Tuliskan huruf di ruang JAWAPAN yang disediakan di dalam Petak A.

| PETAK A |                   |         | PETAK B |                                                          |
|---------|-------------------|---------|---------|----------------------------------------------------------|
|         | Nilai-nilai murni | Jawapan | Maksud  |                                                          |
| 1.      | Berikhtiar        |         | A       | Mempunyai kekuasaan yang tertinggi.                      |
| 2.      | Tekun             |         | B       | Mengambil berat atau perhatian terhadap sesuatu perkara. |
| 3.      | Berdaulat         |         | C       | Tolong-menolong.                                         |
| 4.      | Amanah            |         | D       | Berusaha sedaya upaya untuk mencapai sesuatu tujuan.     |
| 5.      | Patuh             |         | E       | Segan-silu.                                              |
| 6.      | Prihatin          |         | F       | Janji yang bersungguh-sungguh.                           |
| 7.      | Sabar             |         | G       | Bersungguh-sungguh.                                      |
| 8.      | Awar galat        |         | H       | Jujur dan boleh dipercayai.                              |
| 9.      | Bekerjasama       |         | I       | Tidak membantah.                                         |
| 10.     | Ikrar             |         | J       | Tidak cepat marah.                                       |